

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran Enche Hussein Onn
di-Upachara Meresmikan Pembukaan Bangunan Sekolah
Menengah Keteroh, Kelantan pada 5.5.1971 pukul
3.15 petang.

Terlebeh dahulu saya ucapkan terima kaseh kepada Pengerusi, Ahli2 Lembaga Pengurus, Guru Besar, Guru2 dan Ibu2 Bapa murid2 Sekolah Menengah Keteroh, Kota Bahru kerana menjemput saya menghadziri upachara pembukaan sekolah yang chantek ini. Perojek pertama Sekolah Menengah Keteroh, ia-lah pada tahun 1965 Kerajaan telah dapat membena lima bilek darjah, lima setor, sabuah makmal sains sabuah kelas urusan rumah tangga, sabuah bilek jahitan dan sabuah wokshop. Pembenaan-nya telah siap pada akhir tahun 1966 dan menelan belanja sabanyak \$230,000. Kerana memandangkan bilangan murid2 kian bertambah di-sekolah ini semenjak tahun 1967, maka Kementerian Pelajaran telah mengadakan lagi satu projek yang di-mulakan dalam tahun 1968 dengan membena 10 lagi bilek darjah, sabuah pejabat, sabuah bilek guru, sabuah khutub khanah, sabuah makmal sains dengan perbelanjaan \$110,000. dan projek ini telah siap pada tahun 1969. Maka nyatalah pada kita pembenaan sa-sabuah Sekolah Menengah itu memakan belanja yang banyak; sabagai chontoh sekolah ini sendiri telah menelan belanja \$340,000 dan ini tidak termasuk alatan2 mengajar.

Negeri Kelantan ini pada saya ia-lah sabuah negeri bertuah oleh kerana terdapat di-negeri ini gulungan2 muda yang terpelajar yang telah sesama sendiri berpakat dan dapat menubuhkan sabuah sekolah yang kita semua kenali, ia-itu Maktab Kadir Adabi. Maktab ini di-usahakan oleh siswazah2 kita dan juga di-sokong oleh intelek2 lain kerana ada-nya keinsafan untok menolong pelajar2 kita hingga ka-Tingkatan VI. Baru2 ini saya di-fahamkan bahawa sekolah ini telah dapat menubuhkan satu yayasan dan saya berharap semua pehak yang berkenaan agar tampil ka-muka menghulorkan derma, guna membiayai pelajaran anak2 kita di-Pantai Timor ini. Saya berharap siswazah2 kita di-tempat lain akan menchontohi rakan2 mereka di-Kelantan ini untok menolong memajukan pelajaran anak2 kita sahingga-lah berjaya dalam pengajian tinggi mereka.

Saya telah mendengar ucapan Pengerusi Sekolah yang di-antara lain telah merayu agar Kementerian Pelajaran membena sabuah asrana dan juga sabuah tempat simpan basikal. Bagi pengetahuan tuan2 dan puan2, sekarang asrana di-sekolah ini belum begitu mustahak kalau di-bandingkan dengan Sekolah2 di-tempat lain. Oleh hal yang demikian buat sementara waktu ini tidaklah dapat Kementerian saya mengadakan asrama oleh kerana penuntut2 yang belajar di-sekolah ini tidak-lah datang dari tempat2 yang jauh dan tidak menghadapi kesulitan tempat tinggal. Mengenai tempat simpan basikal akan saya adakan tetapi bukan-lah serta merta malahan akan menganbil masa sadikit.

Rakyat Negeri Kelantan patut juga berbangga oleh kerana di-Kota Bahru ini terdapat sabuah kompleks sekolah2 di-Wakaf Mek Zainab dan sekali pun lain2 tempat ada kompleks sekolah2 tetapi tidaklah begitu banyak sekolah2-nya. Dengan ada-nya kompleks sekolah2 saperti di-Wakaf Mek Zainab ini, maka kemudahan pelajaran dapat di-kumpulkan dan ini akan juga menjadi satu dorongan pelajar2 sesama sendiri berlumba2 belajar. Dari segi pelajaran

hakikat ini menang baik, sungguh pun demikian saya ingin menyeru kepada penuntut2 sekalian agar belajar bersungguh2 untok melengkapkan diri mereka dengan segala ilmu pengetahuan untok menghadapi chabaran penghidupan pada masa akan datang. Masa anak2 akan bertambah cerah sekira-nya kita mempunyai ilmu pengetahuan dan keperibadian yang baik. Pada guru2, saya berharap mereka juga akan bersungguh2 mengajar dan mendidik anak2 kita bukan sahaja untok pandai dalam ilmu pengetahuan malahan untok di-tanankan semangat kaseh sayang, hormat menghormati antara satu dengan lain, lebeh2 lagi menghormati Raja dan bendera negara kita. Selain daripada itu guru2 juga di-minta menanamkan semangat ta'at setia yang tidak berbelah bagi hanya kepada negara ini.

Guru2 patut-lah bershukor oleh kerana dalam tahun ini banyak tuntutan2 mereka telah Kerajaan penohi seperti soal pariti, soal guru2 DTC yang berijazah dan sabagai-nya dan juga guru2 ugama di-sekolah2 menengah bantuan penoh; mereka patut juga bershukor kerana tuntutan mereka telah juga di-luluskan oleh Kerajaan. Kesulitan2 lain yang guru2 kita hadapi nampak-nya, akan selesai dengan terlaksana-nya Laporan Aziz. Soal ini tidak dapat-lah saya nyatakan bila di-laksanakan; marilah kita sama2 menunggu dengan segala kesabaran, mudah2an Laporan itu akan di-laksanakan oleh Kerajaan dengan sahcepat mungkin.

Sekian sahaja-lah ucapan saya pada petang yang berbahagia ini dan saya dengan segala sukachita-nya meresmikan pembukaan Sekolah Menengah Keterah, Kota Bahru.



No. Siri	33
No Penerimaan	33/80